

JITRA, 30 SEPT (BERNAMA)-- MENTERI PELAJARAN, (DR. MAHATHIR MOHAMA TELAH MENASIHATKAN PARA BELIA SUPAYA BERHIMPUN DI MESJID DALAM BULAN PUASA UNTUK MENDENGAR SYARAHAN UGAMA DAN BACAAN AYAT SUCI BAGI MENDAPAT FAEDAH DARINYA.

BERUCAP MERASMIKAN PERTANDINGAN MEMBACA QURAN ANTARA MESJID DI KAWASAN TUNJANG ANJURAN JABATAN UGAMA KEDAH DI MESJID KAMPUNG TUNJANG DI SINI MALAM TADI, BELIAU BERKATA DENGAN BERBUAT DEMIKIAN PARA BELI JUGA DAPAT MENGUATKAN SEMULA AKHLAK MEREKA YANG SEKARANG SEMAKIN MEROGOT.

BELIAU MENYERUT KEADAAN DI MASA LALU DI MANA PARA BELIA TERKENAL BERSATU PADU DAN BERSIFAT LEMAH LEMBUT BERBANDING DENGAN KERUNTUHAN AKHLAK YANG TERJADI DI KALANGAN MEREKA SEKARANG.

MENENGAI PERMINTAAN PENDUDUK DI SITU BAGI MENDAPATKAN BEKALAN LETRIK, DR. MAHATHIR YANG JUGA ANGGOTA PARLIMEN BAGI KUBANG PASU MENYATAKAN BAHAWA KERAJAAN AKAN BERUSAHA SEBERAPA DAYA UNTUK MENOLON RAKYAT.

BAGAIMANAPUN, KATANYA, GLEH KERANA PERUNTUKAN TERHAD KERAJAAN TIDAK DAPAT MEMBERI SEBUAH PENYEDIAAN DALAM SATU MASA.

DR. MAHATHIR TELAH MENYEDIA SEBANYAK \$50 BAGI MENJAYAKAN PERTAN- DINGAN TERSEBUT DAN \$50 LAGI DARI ANGGOTA DEWAN NEGERI KAWASAN TUNJANG, ENCIK ISMAIL HAMANI.

QARI DAN QARIAH DARI MESJID KAMPUNG KETUL, ENCIK SAID BAKAR, 31, DAN ROKIAH MUSTAPHA, 21, TELAH MENJADI JOHAN DALAM PERTANDINGAN ITU.

NAIB JOHAN QARI TELAH ENCIK GALLEH BIN HAJI ZAINUDDIN, 27, DARI MESJID PULAU MAHARAJA DAN NAIB QARIAH CIK'DAH BINTI OTHMAN, 24, DARI MESJID PIDA DUA, TUNJANG. --BERNAMA 1425/MD